



Headline: Sindiket kaut RM5 juta setahun  
Publication/Portal: Sinar Harian  
Date: 20 January 2019

Language: Malay  
Section: Sentral  
Page: 20

# Sindiket kaut RM5 juta setahun

## Pendapatan scammer perdaya 658 mangsa sepanjang 2018

NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN

Tanpa perlu bekerja keras, anggota sindiket penipuan atau scam mampu memperoleh untung mudah apabila memperoleh lebih RM5 juta sepanjang tahun lalu dengan memperdayakan seramai 658 mangsa di seluruh Pahang.

Walaupun jumlah itu besar, berdasarkan statistik terbaru yang dikeluarkan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) negeri ini, mendapati angka terbabit menurun berbanding pada 2017.

Pada dua tahun lalu, anggota sindiket sama berjaya mengaut keuntungan RM8 juta membabitkan 726 mangsa.

Ketua JSJK Pahang, Superintendant Mohd Wazir Mohd Yusof, berkata, empat kes scam yang sering berlaku di negeri ini adalah sindiket pinjaman tidak wujud, penipuan belian online, African Scam dan Macau Scam.

"Dalam kes pinjaman tidak wujud, kita dapatkan ada peningkatan iaitu sebanyak 297 kes sepanjang tahun lalu berbanding hanya 152 kes tahun 2017 namun kerugian menunjukkan penurunan daripada RM1.32 juta kepada RM419,008.

"Selain itu, turut meningkat adalah kes Macau Scam di mana pada tahun lalu sebanyak 135 kes dilaporkan berlaku dengan kerugian RM2.57 juta berbanding 2017 hanya 112 kes (RM2.72 juta)" katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dalam pada itu, Mohd Wazir memaklumkan bagi kes penipuan belian online menunjukkan penurunan yang ketara iaitu sebanyak 152 kes pada tahun lalu dengan kerugian RM1 juta berbanding 360 kes pada tahun 2017 dengan kerugian



MOHD WAZIR

RM1.47 juta.

Jelasnya, begitu juga dengan kes African Scam hanya sebanyak 74 kes dengan kerugian RM1.06 juta tahun lalu berbanding 102 kes tahun 2017 dengan kerugian RM2.49 juta.

"African Scam ini merangkumi beberapa kategori iaitu termasuklah Parcel Scam, Love Scam dan belian mata wang lama.

"Kebanyakan ahli sindiket ini biasanya berada di lokasi tertentu dalam negara dan menghubungi mangsa secara rawak untuk penipuan," katanya.

Mohd Wazir menjelaskan



Sindiket penipuan berjaya memperdaya 658 mangsa di seluruh Pahang dengan pendapatan mencecah RM5 juta tahun lalu.

kan, antara modus operandi yang biasa dilakukan adalah menyamar sebagai pegawai bank atau menawarkan hadiah loteri yang tidak wujud selain menawarkan hadiah mewah dari luar negara.

Selain itu, katanya, anggota itu juga bijak menyamar sebagai pegawai bank, polis dan pelbagai agensi penguasa lain untuk memberi tekanan mangsa terutamanya orang tua.

Beliau menambah, bia-

sanya kerja-kerja penipuan itu dilakukan melalui media sosial dan panggilan telefon supaya mangsa menyerahkan wang simpanan mereka.

"Ada juga sindiket yang menawarkan pinjaman tidak wujud dan memaksa mangsa membayar pelbagai bayaran untuk mendapatkan pinjaman berkenaan.

"Sindiket scam ini akan mengambil segala peluang ada untuk membuat penipuan bagi mendapatkan wang

PENDAPATAN SINDIKET SCAM	
■ 2018:	<b>RM5 juta</b> 658 mangsa
■ 2017:	<b>RM8 juta</b> 726 mangsa

## EMPAT JENIS SCAM

Pinjaman tidak wujud
■ 2018: <b>297</b> kes
■ 2017: <b>152</b> kes

Penipuan belian online
■ 2018: <b>152</b> kes
■ 2017: <b>112</b> kes

Macau scam
■ 2018: <b>135</b> kes
■ 2017: <b>112</b> kes

African scam
■ 2018: <b>74</b> kes
■ 2017: <b>102</b> kes

dengan cara yang mudah sehingga mengakibatkan kerugian berjumlah ribuan ringgit kepada mangsa," katanya.